

## Mesej Dua

### **Mempersiapkan Diri Kita untuk Kedatangan Tuan dengan Bertumbuh dalam Hayat Sehingga Matang**

Bacaan Bible: Ibr. 6:1; Ef. 4:13; Kol. 1:27-29; 4:12; Wahi 14:1-5

#### **I. Dalam Surat Yakobus, dia menggunakan gambaran seorang petani menanti dengan sabar-derita buah yang berharga dari bumi—5:7:**

- A. Tuan Yesus sebenarnya ialah Petani yang sejati, Petani yang unik—Mat. 13:3.
- B. Ketika kita menantikan kedatangan Tuan dengan sabar-derita, Dia sebagai Petani yang sejati sedang menanti dengan sabar kematangan kita dalam hayat sebagai buah sulung dan tuaian di ladang—Wahi 14:4, 14-15.
- C. Jika kita berdoa, “Tuan, kembalilah segera,” Tuan mungkin berkata, “Ketika kamu menantikan perkembalian-Ku, Aku sedang menantikan kematangan kamu; hanya kematangan kamu yang dapat mempercepat perkembalian-Ku.”
- D. Kita patut mengetahui bahawa sekiranya kita serius menantikan perkembalian Tuan, kita perlu bertumbuh dalam hayat sehingga matang; pemahaman sebegini sangat membantu kita.

#### **II. Menjadi matang bererti mempunyai Kristus terbentuk dalam kita—Gal. 4:19:**

- A. Kristus dilahirkan ke dalam kita sewaktu kita percaya ke dalam-Nya (Yoh. 3:6, 15-16), Dia hidup dalam kita dalam kehidupan Kristian kita (Gal. 2:20b), dan Dia akan terbentuk dalam kita pada masa kematangan kita (4:19):
  1. Tahap terakhir transformasi ialah kematangan, iaitu kepenuhan hayat:
    - a. Tujuan abadi Tuhan hanya dapat disempurnakan menerusi transformasi dan kematangan kita—Kej. 1:26; Kol. 1:28; 2:19; 4:12.
    - b. Kematangan ialah soal tentang mempunyai hayat divin disalurkan ke dalam kita berulang kali sehinggalah kita mempunyai kepenuhan hayat—Yoh. 10:10b.
  2. Kematangan ialah soal tentang pembesaran kapasiti—Mzm. 4:1:
    - a. Kematangan dalam hayat ialah seluruh rangkuman penerimaan disiplin Roh Kudus—Ibr. 12:5-11.
    - b. Orang lain hanya melihat seorang yang matang dalam hayat, tetapi mereka tidak melihat disiplin Roh Kudus yang terkumpul, yang diterimanya secara tersembunyi hari demi hari bertahun-tahun lamanya—2 Kor. 1:8-10; Kej. 47:7, 10.
  3. Tuhan di bawah ketentuan-Nya akan menggunakan orang, benda, dan perkara untuk mengosongkan kita daripada segala-gala yang memenuhi kita, dan mengambil pergi setiap benda yang menduduki kita supaya kapasiti kita bertambah untuk dipenuhi Tuhan—Luk. 1:53; Mat. 5:6.
- B. Pembentukan Kristus dalam kita diperlukan agar kita dapat matang dalam keanakan divin dan menjadi anak yang cukup umur—Gal. 4:4-5; Roma 8:15; Ef. 1:5:
  1. Sejak kita dilahirukan, Tuan telah pun bekerja dalam kita supaya kita dapat mempunyai imej-Nya—2 Kor. 3:18; Roma 8:29.
  2. Apabila Tuan menggarapkan imej-Nya sepenuhnya ke dalam kita dan Dia juga diekspresikan sepenuhnya menerusi kita, kita akan matang dalam hayat—Ef. 3:16-17.
- C. Seperti yang digunakan dalam Wasiat Baru, perkataan *matang* merujuk kepada percayawan menjadi penuh dewasa, matang, dan disempurnakan dalam hayat Tuhan, iaitu hayat yang diterima mereka pada masa kelahiruan:
  1. Kita sama sekali tidak harus berasa puas dengan diri kita tetapi harus mengejar pertumbuhan dan kematangan dalam hayat Kristus; kita perlu terus

maju, dibawa maju kepada kematangan dengan melupakan hal-hal yang ada di belakang dan merentangkan diri ke arah hal-hal yang ada di hadapan, mengejar ke arah kenikmatan dan pemerolehan Kristus dengan sepenuhnya untuk menikmati Kristus ke tahap tertinggi dalam kingdom milenium—Flp. 3:12-15.

2. Prasyarat untuk menjadi matang dalam hayat rohani ialah bertumbuh secara berterusan dalam hayat divin—Ef. 4:15.
3. Hasil muktamad bagi pertumbuhan dan kematangan percayawan dalam hayat Kristus ialah manusia penuh dewasa—gereja sebagai Tubuh Kristus bertumbuh sehingga menjadi manusia yang matang—ay. 13.

**III. Matlamat ministri Paulus ialah mempersesembahkan setiap orang matang, penuh dewasa, dalam Kristus demi satu manusia baru—Kol. 1:28-29; 3:10-11:**

- A. Perkataan Yunani yang diterjemahkan sebagai “penuh dewasa” dalam 1:28 juga boleh diterjemahkan sebagai “sempurna”, “lengkap”, atau “matang”.
- B. Ministri Paulus bertujuan untuk mendispenkan Kristus ke dalam orang lain supaya mereka dapat menjadi sempurna dan lengkap melalui kematangan mereka dalam Kristus sehingga mencapai kedewasaan penuh—Ef. 4:13.
- C. Semakin kita masuk ke dalam Kristus, semakin Dia masuk ke dalam kita; semakin Dia masuk ke dalam kita, semakin kita masuk ke dalam-Nya; melalui kitaran inilah kita bertumbuh dalam hayat—Kol. 1:27-28.
- D. Matlamat kita memberitakan injil kepada pendosa dan bersekutu dengan pekuodus ialah meministerkan Kristus ke dalam mereka supaya mereka dapat matang dalam hayat dan dipersembahkan penuh dewasa dalam-Nya—3:10-11; Ef. 4:13-14.

**IV. Untuk bersiap sedia supaya diraptur, kita perlu matang dalam hayat—Mat. 24:40-41:**

- A. Kerapturan ialah langkah konsumasi penyelamatan penuh Tuhan dalam hayat, iaitu transfigurasi, penebusan, tubuh kita—Roma 5:10; 8:23; Flp. 3:21:
  1. Disebabkan tuntutan hayat divin yang kita terima dan disebabkan kasih kita yang sangat mendalam terhadap Tuan, kita berhasrat untuk mengejar kehidupan yang menantikan kedatangan Tuan—1 Tes. 1:10; 2:19; 3:13; 4:15; 5:23.
  2. Apabila kita mengasihi Tuan dan menantikan kedatangan-Nya, kita berharap agar diraptur ke hadirat Tuan—Mat. 24:40-41; Luk. 17:31-36; 21:36.
- B. Menjadi matang bukan hal yang berlaku sekilip mata; untuk kedatangan Tuan, kita perlu mempersiapkan diri kita, mengasihi-Nya, dan bertumbuh dalam-Nya supaya pada masa penampilan diri-Nya, kita dapat menjadi matang untuk diraptur—Wahi 14:1-5.
- C. Tanda-tanda kematangan merangkumi yang berikut—Ibr. 6:1:
  1. Dipenuhi hayat divin yang mengubah kita—Ef. 3:19.
  2. Meraja dalam hayat—Roma 5:17.
  3. Dapat makan makanan pejal—Ibr. 5:12-14.
  4. Menjadi penuh dewasa dalam kefahaman—1 Kor. 14:20.
  5. Menjadi sempurna sebagaimana Bapa syurgawi kita adalah sempurna—Mat. 5:48.
  6. Melihat Tubuh, mengenali Tubuh, hidup dalam Tubuh dan untuk Tubuh, menjaga Tubuh, serta menghormati Tubuh—Ef. 4:13-16.